Abdul Rahim Ponniah bin Abdullah lwn Dave Kang Hong Choon

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — SAMAN PEMULA NO 24–698 TAHUN 2002
ZAINAL ADZAM PK
11 OKTOBER 2003

Pertubuhan Tak Diperbadankan — Ahli kelab — Peraturan — Penggantunggan keahlian — Peluang untuk didengar — Sama ada notis penggantungan perlu diberikan terlebih dahulu — Sama ada berlaku pelanggaran hak keadilan asasi

Plaintif telah digantung keahliannya dari kelab oleh defendan selaku setiausahanya atas alasan plaintif telah ditahan oleh polis dan didakwa di mahkamah majistret atas tuduhan melakukan rompakan berkumpulan. Plaintif memohon ke mahkamah ini untuk suatu deklarasi bahawa penggantungan tersebut tidak sah dan oleh itu tidak boleh dikuatkuasakan. Plaintif mengadu bahawa dia tidak diberi peluang untuk didengar sebelum keputusan penggantungan dibuat.

Diputuskan, menolak permohonan tersebut:

(1) Asas-asas keputusan untuk menggantungkan keahlian plaintif, iaitu atas kepentingan keselamatan kelab dan ahli-ahlinya, dan juga untuk menentukan supaya penyiasatan ke atas kejadian tersebut oleh pihak-pihak polis dan kelab tidak terjejas, adalah tepat dan munasabah walaupun plaintif pada masa itu belum disabitkan (lihat perenggan 9).

(2) Walaupun plaintif tidak diberikan peluang untuk didengar dalam satu penyiasatan, ianya bukan sahaja tidak diperuntukkan dalam peraturan-peraturan kelab tetapi, dalam keadaan kes ini, ianya tidak bercanggah dengan prinsip keadilan-keadilan semula jadi (lihat perenggan 11).

[English summary

The plaintiff's club membership was suspended by the defendant as its secretary on the premise that the plaintiff had been detained and prosecuted in the magistrate's court on a charge of committing a gang robbery. The plaintiff applied to this court for a declaration that the suspension was invalid and therefore not enforceable. The plaintiff contended that he was not given the right to be heard before the decision to suspend was made.

Held, dismissing the application:

(1) The grounds for deciding to suspend the plaintiff's membership, ie for the safety of the club and its members, and also to ensure that the investigation regarding the incident by the police and the club was not impaired, was correct and reasonable, even though the plaintiff had not been charged at the relevant time (see para 9).

(2) Although the plaintiff was not accorded the right to be heard in an investigation, it was not only allowed by the rules of the club but also, in the circumstances of the case, was not contrary to the rules of natural justice (see para 11).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai ahli kelab, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 2528–2533

Untuk kes-kes mengenai peraturan ahli pertubuhan tak diperbadankan, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 2528–2533.

Kes-kes yang dirujuk

Florence Bailes v Dr Ng Jit Leong [1985] 1 MLJ 37 (dirujuk)

Ghazi bin Mohd Sawi v Mohd Haniff bin Omar, Ketua Polis Negara, Malaysia & Anor [1994] 2 MLJ 114 (dirujuk)

JG Bernatt v Setiausaha Kehormat, Seremban International Golf Club [2003] 2 MLJ 289 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 391, 395

Ilangovan (Ilangovan & Associates) bagi pihak plaintif

Darshan (Jaswant with him) (Darshan & Jaswant) bagi pihak defendan

Zainal Adzam PK:

[1] Melalui Saman Pemula plaintif telah memohon untuk mendapatkan satu deklarasi bahawa penggantungan keahlian plaintif dari Kelab Sungai Petani ('Kelab') adalah tidak sah dan tidak boleh dikuat kuasa. Plaintif menyatakan dalam afidavit sokongannya bahawa pada 31 Mac 2002 beliau telah menerima surat bertarikh 28 Mac 2002 daripada Kelab yang menyatakan bahawa keahliannya digantungkan di bawah peraturan 11.1 Peraturan-Peraturan Kelab. Atas arahan plaintif, peguamcaranya telah menghantar surat kepada Kelab untuk mendapatkan alasan-alasan kenapa keahliannya digantung dan juga meminta supaya Kelab mengadakan satu penyiasatan mengikut peraturan 11.1 Peraturan-Peraturan tersebut. Menurut plaintif, peguam beliau menerima jawapan daripada Kelab melalui surat bertarikh 9 Mei 2002 bahawa penggantungan keahliannya adalah atas alasan bahawa kelakuan plaintif telah membawa keburukan kepada kepentingan Kelab. Plaintif mendakwa bahawa surat tersebut tidak menyatakan butir-butir mengenai kelakuan yang didakwa telah membawa keburukan kepada kepentingan Kelab. Dalam afidavit jawapan oleh defendan (kandungan 7) barulah defendan menyatakan bahawa plaintif digantung keahliannya kerana terlibat dalam satu rompakan berkumpulan yang berlaku di Kelab pada 19 Mac 2002.

[2] Pihak defendan pula menyatakan bahawa plaintif telah dituduh di Mahkamah Majistret Sungai Petani di bawah ss 391 dan 395 Kanun

Keseksaan berkaitan dengan kejadian rompakan tersebut. Satu laporan kejadian tersebut juga disiarkan dalam akhbar *The Star* pada 29 Mac 2002 di mana nama plaintif turut dipaparkan sebagai seorang tertuduh dalam kes rompakan itu. Oleh yang demikian defendan menyatakan bahawa pihak pengurusan Kelab berpendapat bahawa kehadiran plaintif di Kelab akan membawa situasi yang terancam, menjejaskan nama baik Kelab dan menimbulkan masalah keselamatan di Kelab dan kepada ahli-ahlinya. juga pihak Kelab berpendapat bahawa penggantungan keahlian plaintif adalah penting supaya siasatan oleh pihak polis dapat dijalankan dengan sempurna dan tanpa gangguan atau halangan. Menurut defendan, kejadian rompakan kali kedua telah berlaku di Kelab pada 4 Julai 2002 dan defendan dimaklumkan bahawa plaintif bersama enam yang lain telah ditahan dan kemudian didakwa di mahkamah berkaitan dengan rompakan tersebut. Berita mengenai rompakan dan pendakwaan itu telah disiarkan dalam akhbar *Utusan Melayu* bertarikh 16 Julai 2002. Plaintif juga mengikut defendan telah membuat perakuan palsu dalam borang permohonannya semasa memohon menjadi ahli Kelab dengan mengesahkan bahawa beliau tidak pernah ditolak permohonannya menjadi ahli Kelab-Kelab yang lain sedangkan permohonan plaintif telah ditolak oleh Kelab Kulim sebelum itu.

[3] Plaintif menjawab bahawa akhbar *The Star* menyiarkan mengenai rompakan pertama di Kelab pada 29 Mac 2002, sedangkan keahlian beliau telah digantung pada 28 Mac 2002, iaitu, sehari selepas keputusan menggantung keahliannya. Aduan pihak plaintif dalam kes ini ialah bahawa pihak defendan tidak menyatakan dalam surat pergantungan keahliannya bertarikh 28 Mac 2002 apa-apa alasan termasuk alasan-alasan yang dinyatakan oleh pihak defendan di mahkamah. Plaintif juga berhujah bahawa peraturan 11.1 tersebut adalah ultra vires kerana memberi kuasa mutlak kepada jawatankuasa Kelab untuk menggantung keahlian seseorang ahli tanpa memberi alasan kepada ahli yang digantung keahliannya. Oleh yang demikian, plaintif berhujah bahawa kepentingannya telah diprejudis kerana pihak defendan gagal mengadakan satu penyiasatan dan diberi peluang untuk didengar walaupun diminta oleh plaintif melalui surat-surat peguamnya bertarikh 21April 2002 dan 14 Mei 2002.

[4] Pihak plaintif berasaskan penghujahannya kepada kes *Florence Bailes v Dr Ng Jit Leong* [1985] 1 MLJ 37. Pihak defendan pula telah berasaskan penghujahan mereka kepada kes *JG Bernatt v Setiausaha Kehormat, Seremban International Golf Club* [2003] 2 MLJ 289. Dalam penghujahan balasnya, pihak plaintif menyatakan bahawa kes *JG Bernatt v Setiausaha Kehormat, Seremban International Golf Club* [2003] 2 MLJ 289 yang dirujuk oleh defendan adalah tidak relevan kerana fakta kes tersebut adalah berbeza. Plaintif menegaskan bahawa dalam kes tersebut perayu telah diberi peluang memberi alasan secara bertulis dalam tempoh 14 hari selepas menerima surat tunjuk sebab mengapa beliau tidak sepatutnya digantung daripada mengguna kemudahan-kemudahan kelab. Oleh yang demikian, plaintif berhujah bahawa dalam kes tersebut tidak berlaku pelanggaran keadilan semula jadi. Sebaliknya plaintif berhujah bahawa dalam kes ini jelas terdapat pelanggaran keadilan semula jadi, iaitu beliau tidak diberi peluang atau hak

untuk didengar oleh defendan dalam satu penyiasatan sebelum jawatankuasa Kelab membuat keputusan. Secara lazimnya mahkamah tidak akan campur tangan dengan urusan sesuatu kelab sosial untuk membuat peraturan mengenai menggantung atau membatalkan keahlian seseorang ahli. Yang penting ialah kuasa terdapat kepada mahkamah untuk menentukan sama ada mana-mana peraturan sesuatu kelab atau apa-apa tindakan oleh kelab berkenaan bercanggah dengan prinsip keadilan semula jadi. Mahkamah akan mencelah sekiranya terdapat bahawa kelab berkenaan tidak mengikut dengan tepat peruntukan-peruntukan bagi menggantung atau membatalkan keahlian mana-mana ahlinya. Dalam urusan tersebut kelab berkenaan perlu bertindak dengan niat yang baik, tanpa berat sebelah dan demi kepentingan serta kebaikan Kelab itu.

[5] Hakim Ajaib Singh dalam kes *Florence Bailes v Dr Ng Jit Leong* [1985] 1 MLJ 37 menyatakan prinsip-prinsipnya yang berkaitan seperti berikut (di ms 376 dan 377):

> … It is not the concern of the court to adjudicate on domestic matters of a social club. These matters are left entirely to the members so long as the managing committee to the club. These matters are left entirely to the members so long as the managing committee of the club conforms strictly to the rules. Thus a club member may be expelled or suspended for misconduct if the rules of the club so provide and the court will not intervene if the rules of the club have been strictly followed.
>
> On the other hand the court will intervene if the rules have not been strictly followed in expelling or suspending a member. In such a case the court is not only incompetent to intervene but is the only forum to whom an aggrieved member may look to for redress which the court may grant in the exercise of its supervisory jurisdiction over members[7] clubs to see that they conform to their constitution. For otherwise there may be a real risk that members may be exposed to the whims and fancies and likes and dislikes of committee members leaving club members with legitimate grievances without any remedy.
>
> The principles of natural justice must be observed in exercising a power of expulsion or suspension unless it plainly appears on a true construction of the rules that the power was express exclusion of the principles of natural justice or by necessary implication. The very minimum requirements of natural justice are that the committee of a club deciding the expulsion or suspension of a member for misconduct must be totally unbiased, that the members must be informed of his alleged wrong and that he must be given opportunity to be heard in defence.
>
> It is for the court to decide whether or not on its true construction a particular rule of a club gives the committee absolute powers of suspending or expelling a member without observing the principles of natural justice. The jurisdiction of the court to determine questions of law cannot be ousted by any club
>
> … In the matters of law the court is the sole arbiter.
>
> If there is an absolute and unfettered power vested in the committee rendering the principles of natural justice inapplicable by express exclusion thereof in the rules then the court will not invoke the principles of natural justice. It would however be a rather extreme case if any social club were to incorporate such absolute powers in their dealing with the expulsion or suspension of a

member. In such a situation the courts may well consider further whether the enacting of such arbitrary and absolute powers in club rules does not conflict with public policy rendering the rules invalid. The tendency on the part of the courts these days is to expand the scope of natural justice rather that constrict it.

The rules of a club constitute a contract between the members. The power to expel or suspend a member must be exercised in good faith and for the good of the club and not from any indirect or the good of the club and not from any indirect or improper motive and the committee must act without any bias or prejudice. The club committee is thus in a quasi- judicial position and it must give notice to the member whose conduct is impugned informing him of the wrong he is alleged to have committed and an opportunity given to him to be heard in defence. The committee cannot act on the evidence of one party without the other party.

[6] Peruntukan yang digunakan oleh jawatankuasa Kelab dalam mengambil tindakan menggantungkan keahlian plaintif, iaitu peraturan 11.1, Peraturan- Peraturan Kelab Sungai Petani adalah seperti berikut:

11.1 The Committee may, at any time suspend and may, after due notice and enquiry, expel any Member of the Club on the grounds of any conduct in or out of the Club which, in the opinion of the Committee, is injurious to the interest of the Club, or renders him/her unfit to associate with Members of the Club.

[7] Daripada peruntukan 11.1 adalah jelas bahawa jawatankuasa Kelab diberi kuasa menggantungkan keahlian mana-mana ahli di atas alasan atau dalam pendapat jawatankuasa bahawa ahli berkenaan telah bertindak dengan menjejaskan kepentingan Kelab dan oleh yang demikian telah menjadikan ahli berkenaan tidak sesuai untuk bercampur dengan ahli-ahli Kelab yang lain. Selain daripada itu, dalam urusan penggantungan keahlian, berbeza dengan urusan pembatalan keahlian, jawatankuasa Kelab tidak perlu mengeluarkan satu notis kepada ahli berkenaan dan mengadakan satu penyiasatan. Dalam urusan penggantungan keahlian plaintif, jawatankuasa Kelab telah mengikut peraturan ini dan oleh yang demikian plaintif tidak terlebih dahulu diberi notis dan tiada penyiasatan diadakan. Jadi soalnya yang timbul ialah sama ada atas dasar awam kuasa dalam peruntukan 11.1 perlu diisytiharkan oleh mahkamah sebagai tidak sah di sisi undang-undang. Juga, sama ada tindakan jawatankuasa dalam urusan tersebut adalah tanpa niat yang mulia atau ada unsur-unsur berat sebelah terhadap plaintif. Alasan-alasan jawatankuasa Kelab ke atas keputusan mereka untuk menggantungkan keahlian plaintif perlu dikaji berasaskan persoalan-persoalan tersebut.

[8] Mengikut defendan dalam afidavit jawapannya, pada 19.3.2002 satu rompakan bersenjata telah berlaku di Kelab di mana plaintif berada di premis Kelab semasa kejadian tersebut. Kemudian plaintif telah ditahan oleh pihak polis kerana penglibatan dalam rompakan berkumpulan tersebut dan dituduh di bawah ss 391 dan 395 Kanun Keseksaan dilepas dengan jaminan RM5,000 sehingga perbicaraan pada 1 Disember 2002. Rompakan dan kes tersebut di Mahkamah Majistret, Sungai Petani dilaporkan dalam akhbar *The Star* pada 29 Mac 2002. Mengikut defendan, perkara tersebut diakui dalam surat peguam defendan kepada Kelab iaitu eksibit 'ARP2'

dalam afidavitnya. Pada 1 Julai 2002 plaintif sekali lagi ditahan oleh pihak polis dan dituduh di Mahkamah pada 21 Julai 2002 atas satu rompakan berkumpulan di Kelab. Perkara tersebut disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia*. Pihak defendan menjelaskan bahawa pergantungan keahlian akan diteruskan oleh Kelab sehingga kes-kes jenayah terhadap plaintif diselesaikan oleh mahkamah. Pihak Kelab akan mempertimbangkan keputusan mereka selepas itu berlaku. Perlu diingatkan bahawa plaintif bukan dibatalkan keahlian tetapi digantungkan keahliannya sahaja. Berasaskan penghakiman Ajaib Singh H dalam kes tersebut, adalah tugas mahkamah untuk menentu dalam tiap-tiap kes mengikut fakta-fakta tersendirinya dan peraturan yang berkenaan sama ada tindakan yang dipersoalkan melanggar atau tidak prinsip keadilan semula jadi, Selain daripada prinsip-prinsip yang telah dirujuk oleh saya, keputusan hakim tersebut dan alasan-alasannya, mahkamah dalam kes *Florence Bailes v Dr Ng Jit Leong* [1985] 1 MLJ 37 tidak boleh dipakai kerana dalam kes tersebut Mahkamah memutuskan bahawa terdapat unsur-unsur kemungkinan berat sebelah dalam keputusan jawatankuasa berkenaan kerana rakan rapat pengadu merupakan satu daripada ahli jawatankuasa.

[9] Dalam keadaan kes ini, pada pendapat saya asas-asas keputusan Kelab untuk menggantungkan keahlian plaintif, iaitu atas kepentingan keselamatan Kelab dan ahli-ahli Kelab dan juga untuk menentukan penyiasatan ke atas kejadian tersebut oleh pihak-pihak polis dan Kelab tidak terjejas, adalah tepat dan munasabah. Walaupun plaintif pada masa itu plaintif belum disabitkan, penangkapan dan penuduhannya di Mahkamah Majistret adalah sebab-sebab yang munasabah untuk jawatankuasa Kelab berpendapat untuk menggantungkan keahliannya mengikut peruntukan 11.1, Peraturan-Peraturan Kelab. Sebagai contoh, penggantungan ini selaras dengan kuasa sedemikian untuk menggantung kerja kakitangan dan pegawai kerajaan, tanpa diadakan penyiasatan atau diberikan hak didengar terlebih dahulu, sekiranya dituduh di Mahkamah. Banyak contoh-contoh boleh diperolehi mengenai kes-kes sedemikian dan satu daripadanya ialah kes Mahkamah Agong, *Ghazi bin Mohd Sawi v Mohd Haniff bin Omar, Ketua Polis Negara, Malaysia & Anor* [1994] 2 MLJ 114. Dalam kes ini pihak jawatankuasa Kelab telah bertindak bukan saja atas alasan-alasan yang munasabah tetapi atas peruntukan 11.1 yang jelas tidak memerlukan satu notis diberi kepada plaintif atau diadakan satu penyiasatan terlebih dahulu.

[10] Plaintif tidak di mana-mana menyatakan bahawa pihak jawatankuasa kelab telah bertindak tanpa niat yang mulia atau telah berat sebelah dalam keputusan mereka. Saya juga dapati tiada unsur-unsur sedemikian dalam kes ini. Plaintif hanya mempersoalkan kegagalan jawatankuasa Kelab memberikan peluang bagi beliau didengar terlebih dahulu dalam satu penyiasatan sebelum Kelab membuat keputusan terhadap keahliannya. Selepas ditangkap oleh pihak polis dan dihadapkan ke mahkamah majistret kemudian dengan pertuduhan-pertuduhan kesalahan jenayah, sudah tentu plaintif sendiri menyedari bahawa alasan Kelab untuk menggantungkan keahliannya mesti berasaskan perkara-perkara tersebut dan bukan atas alasan-alasan yang lain. Lebih-lebih lagi kejadian rompakan bersenjata

berkumpulan berlaku kepada Kelab itu sendiri dan tarikh keputusan penggantungan keahlian itu adalah hari yang sama plaintif dituduh di Mahkamah Majistret Sungai Petani. Oleh yang demikian fakta kes ini adalah unik atau luar biasa dan perlu dibezakan dengan tindakan-tindakan sedemikian di mana pergantungan keahlian dibuat atas alasan yang tidak diketahui oleh ahli berkenaan atau keputusan jelas berat sebelah atau tidak dengan niat yang mulia demi kepentingan Kelab atau ahli- ahlinya. Dalam perkataan-perkataan yang lain, sekiranya diadakan penyiasatan oleh pihak jawatankuasa dan diberi peluang didengar adakah plaintif dengan fakta-fakta seperti mana dalam kes ini, (lebih-lebih lagi telah diakui oleh plaintif sendiri dalam surat peguamnya eksibit 'ARP2' dalam afidavit plaintif)/boleh mengharapkan untuk pihak jawatankuasa Kelab membuat keputusan memihak kepadanya? Beliau bukan dibatalkan keahliannya tetapi hanya digantung sahaja keahliannya. Hanya apabila jawatankuasa bercadang untuk menggantungkan keahliannya barulah mereka dikehendaki memberi notis kepada plaintif dan adakan penyiasatan mengikut peraturan 11.1.

[11] Berasaskan semua perkara-perkara tersebut di atas, saya berpendapat bahawa pihak Kelab telah mengikut dengan tepat peruntukan Peraturan-Peraturan Kelab dan tidak dapat apa niat yang tidak mulia atau berat sebelah dalam keputusan yang mereka jelas adalah demi kepentingan ahli-ahli dan Kelab itu sendiri. Selain daripada itu, saya dapati bahawa keputusan Kelab jelas mempunyai asas yang munasabah oleh kerana plaintif selepas digantungkan keahliannya terlibat sekali lagi dalam kes rompakan bersenjata ke atas Kelab dan dituduh di mahkamah. Pertuduhan di mahkamah yang kedua itu juga tidak dinafikan oleh plaintif. Walaupun plaintif tidak diberikan peluang untuk didengar dalam satu penyiasatan, ianya bukan sahaja tidak diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Kelab tetapi, dalam keadaan kes ini, saya dapati ianya tidak bercanggah dengan prinsip keadilan-keadilan semula jadi. Oleh yang demikian permohonan plaintif ditolak dengan kos.

Permohonan plaintif ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh AG Kalidas